

13. BANGUNAN-BANGUNAN HARAM YANG TELAH DIDIRIKAN ATAS TANAH MAJLIS

1. Dalam kes-kes di mana rumah-rumah dan sambungan-sambungan telahpun berada di atas tanah-tanah yang terlibat sebelum 1-7-74, penyewa-penyewa berkenaan hendaklah diminta supaya menandatangani satu perjanjian dengan Majlis atas dasar setahun ke setahun dengan notis pilihannya sebulan lebih awal.
2. Syarat-syarat yang patut dinyatakan di dalam perjanjian yang tersebut di atas nanti akan termasuklah untuk keluar dengan secara aman andainya Majlis berkehendakkan tanahnya dan tentang pembayaran sewa tanah. Pematuhan semua aturan/peraturan adalah terletak di atas para penyewa, dan bukannya Majlis. Andainya syarat-syarat ini diengkari, maka tindakan sewajarnya akan diambil.
3. Dalam kawasan-kawasan yang terjejas oleh perancangan di masa hadapan, syarat-syaratnya nanti ialah bahawa Majlis tidak akan menanggung sebarang kerugian dan rancangan-rancangannya tidak akan dihalang. Di mana notis perlu dikeluarkan, penyewaan berkenaan akan ditamatkan dengan notis sebulan diberikan oleh Majlis.
4. Setiap penyewa hendaklah melaporkan kepada Majlis pada tiap-tiap tahun tentang keadaan rumah dan keluarganya dan juga menandatangani di atas sekeping pelan (yang akan dikekalkan oleh Majlis) supaya Majlis dapat mengetahui tentang sebarang sambungan yang telah dibuat nanti.
5. Perubahan dari segi penyewaan ataupun pindahmilik tidak boleh dibenarkan kecuali kepada anggota-anggota keluarga yang terdekat.
6. Hanya pembaikan-pembaikan yang kecil sahaja akan dibenarkan apabila permohonan-permohonan dibuat, dan jenis bahan-bahan yang sama mestilah digunakan. Rumah-rumah berkenaan tidak boleh diperbaiki keadaannya.

(Diluluskan pada 2-3-78)